

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN APRESIASI
ANGKASA TERENGGANU
4 FEBRUARI 2024 (AHAD)**

10.00 PAGI

RAIA HOTEL AND CONVENTION CENTER

Bismillahhirrahmannirrahim,

Assalamualaikum

Warakmatullahi

Wabarakatuh

Salam Malaysia Madani, Salam Perpaduan dan Salam Koperasi

(Salutasi Penganjur)

1. Alhamdulillah, setinggi rasa syukur dipanjangkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya kita

semua diberi kesempatan dan kesihatan untuk berkumpul pada hari ini bagi bersama meraikan Majlis Apresiasi ANGKASA Terengganu.

- 2.** Pertama sekali, syabas dan tahniah kepada pihak jawatankuasa yang telah mengatur majlis pada hari ini.

Terima kasih kepada ANGKASA Negeri Terengganu atas kesudian menjemput saya untuk turut bersama dalam kemeriahahan majlis ini. Setinggi – tinggi penghargaan juga diucapkan kepada kepimpinan koperasi di Negeri Terengganu yang turut meluangkan masa untuk turut hadir pada pagi ini.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian sekalian

3. Pada hari ini kita semua berkumpul bagi meraikan apresiasi warga Angkasa dan koperasi negeri Terengganu atas dedikasi dan komitmen dalam memberikan

sumbangan kepada organisasi dan juga gerakan koperasi di negeri Terengganu. Kejayaan yang kita nikmati hari ini adalah hasil dari semangat kerjasama, dan tekad memastikan koperasi menyumbang peranan yang lebih signifikan kepada sosiekonomi negara.

4. Namun kejayaan semasa harus dilihat sebagai pencetus kepada gerak kerja yang lebih berstategik kerana kita mahu ianya dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan tidak statik. Pelan Strategik ANGKASA 2050 (PESAN50) harus dijadikan panduan oleh ANGKASA

Terengganu untuk diaplikasikan dalam merencana serta menggerakkan organisasi.

5. Pertumbuhan pesat dalam teknologi, globalisasi, dan perubahan tren pengguna memerlukan ANGKASA pusat mahupun di setiap negeri untuk

menjadi lebih inovatif dan responsif terhadap perubahan pasaran. Adalah penting bagi organisasi dan koperasi untuk terus memantau perubahan dalam ekonomi dan segera mengadaptasi model perniagaan untuk memenuhi tuntutan pasaran semasa.

6. Di negeri Terengganu ada 6 Buah Koperasi berada di Top 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2023 dan 29 Buah berada di Top 350 Terbaik Malaysia 2023. Koperasi ini bergerak dalam pelbagai sektor dan saya ingin melihat ANGKASA Terengganu melihat apa bentuk kerjasama boleh dilakukan

dengan koperasi – koperasi ini dengan tujuan kita membangunkan koperasi lain di luar sana.

7. Sehingga Jun 2023, terdapat 811 buah koperasi di seluruh Negeri Terengganu dengan keanggotaan seramai 243,112 individu, RM305.61 juta

syer/yuran, RM713 juta aset dan perolehan sehingga 31 Disember 2022 sebanyak RM498.61 juta.

8. Saya percaya dengan dedikasi dan komitmen rakan – rakan koperasi di negeri Terengganu, bersama dengan ANGKASA Terengganu, perolehan ini

mampu ditingkatkan lagi pada tahun ini. ANGKASA mempunyai komitmen yang tinggi untuk memastikan koperasi di seluruh negara terlibat dengan lebih banyak aktiviti ekonomi berimpak tinggi.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian sekalian

9. Transformasi Dan Penstrukturan ANGKASA sedang berjalan bagi memastikan koperasi mendapat manfaat pencapaian keberhasilan yang berimpak tinggi menerusi

pengurusan yang lebih efisien, proaktif dan berdaya saing selari dengan visi dan visi ANGKASA untuk menjadi Pemangkin Kecemerlangan Sosioekonomi Gerakan Koperasi ke Arah Globalisasi.

10. Oleh itu Jawatankuasa ANGKASA Negeri (JKAN) perlu memastikan gerak kerja kakitangan selari dengan hala tuju ANGKASA supaya apa juga program yang yang dilaksanakan mempunyai impak yang menyeluruh dan berkesan kepada organisasi dan juga kepada sektor koperasi.

11. Saya mempunyai harapan yang cukup tinggi agar koperasi di negeri Terengganu akan terus menyokong usaha ANGKASA dalam menjadikan gerakan koperasi berdaya maju dan Insyallah kita akan pastikan koperasi juga mempunyai ekosistem dan jaringannya tersendiri dalam rantai

pasaran baik di dalam dan luar negara.

12. Harapan saya agar koperasi – koperasi di negeri dapat menyumbang lebih banyak dalam kepada kemakmuran ekonomi di negeri – negeri dan impaknya dapat dirasai

secara terus oleh masyarakat. Jika ini dapat direalisasikan maka tidak mustahil koperasi mampu untuk menjadi salah satu pilihan utama pengguna sekaligus meningkatkan perolehan koperasi secara keseluruhan.

Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian sekalian

13. Sekali lagi tahniah dan syabas diucapkan atas pencapaian hasil dari komitmen semua pihak baik yang hadir pada hari ini maupun koperasi di luar sana. Semoga kita semua akan terus

kekal komited dan fokus dalam memajukan pencapaian koperasi di Negeri Terengganu.

- 14.** Dengan lafaz mulia, Bismillahhirrahmannirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan

MAJLIS PERASMIAN APRESIASI ANGKASA TERENGGANU

Wabillahitaufik wal hidayah,
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.

Terima kasih.